noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

MINIT MESYUARAT

Tarikh	9 April 2021 (Jumaat)
Masa	9.55 pagi
Tempat	Dalam Talian (Aplikasi Skype)

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

MESYUARAT TEKNIKAL NO.14

Kehadiran:

Bil	Nama	Disiplin	No. Telefon
(A)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**		
(B)	**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort**		
		JBPM	
		JBPM	
(C)	**Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek)		
1	Ar. Noor Izwan Rahim	NIA	012 - 321 8905
2	En. Syahril Mohd Ariffin	NIA (IOW)	011 - 2764 0850
(D)	**Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur)		
3	En. Terence Tang	AFK	016 - 996 1090
4	En. Oh Kok Thu	AFK (ARE)	012 - 866 3113
(E)	**Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal)		
5	En. Abdul Aziz Bin Limat	JPI (IOW)	016 - 826 9409
(F)	**PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan)		
6	En. Sharman Bin Sharif	PQS	010 - 951 3639
(G)	**REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama)		
7	Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT	016 - 835 3423
8	En. Ronny Bin Lesa	REMT	011 - 3646 7021
9	En. Ahmad Khairy Bin Mohd Yasin	REMT (SSS)	013 - 8182879

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.55 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No.13 bertarikh 5 Mac 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Keperluan Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan kontrak, berikut adalah maklumat berkaitan projek:

<table><tr><td>Harga Kontrak</td><td>RM6,305,978.26</td></tr><tr><td>Tempoh Kontrak</td><td>18 Bulan (546 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Mula Kerja</td><td>18 November 2019</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Asal</td><td>10 Mei 2021</td></tr><tr><td>EOT No.1</td><td>114 Hari (660 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Baharu</td><td>1 September 2021</td></tr></table>
EOT No. 1 telah mendapat kelulusan secara automatik (tanpa permohonan) disebabkan PKP pandemik covid-19.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.14 (07 April 2021), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:

<table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>61.00</td><td>26.00</td><td>-35.00</td><td>-168</td></tr></table>*Peratusan kemajuan ini berdasarkan EOT 1

REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah:

i) Prefabricated Vertical Drain (PVD)
ii) 1st floor column & RC Staircase (Blok Utama)
iii) Brick works & plastering (Rumah Sampah)
iv) Ground beam & slab (Menara Latihan)
v) Soil compaction, anti-termite & ground slab (Stor Logistik)
vi) RC Slab (Rumah Pam)</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
</table>

نور ازوان اركيتيك

<table>
<tr><td>2.3</td><td>REMT memaklumkan bahawa kelewatan kemajuan fizikal adalah disebabkan faktor berikut:

i) Pengesahan entrance culvert yang sepatutnya telah mula dibina pada awal Januari 2021.
ii) Pembinaan Rumah Pam yang masih belum dimulakan kerana isu pertindanan pad footing. AFK sedang meminda lukisan dan akan dikemukakan kepada UKAS.
iii) Pencawang SESB yang masih belum dapat dimulakan mengikut jadual disebabkan kelewatan pengesahan lukisan dan setting out.</td><td>

AFK

AFK

JPI/
NIA</td><td>

11/01/2021

09/04/2021

09/04/2021</td></tr>
<tr><td>2.4</td><td>NIA meminta REMT untuk merekodkan kelewatan kerja fizikal secara terperinci mengikut skop dan disiplin yang berkaitan bagi memudahkan pemantauan. Laporan kelewatan terkini perlu diserah sebelum 16 April 2021.</td><td>REMT</td><td>05/03/2021</td></tr>
<tr><td>2.5</td><td>Berhubung isu discharge pipe Rumah Sampah, REMT mengesahkan telah membuat pemeriksaan berhubung invert level di manhole sediada dan memutuskan untuk kekal seperti cadangan asal (penyambungan ke manhole sediada).</td><td>Makluman</td><td>07/12/2020</td></tr>
<tr><td>3.0</td><td colspan="3">Arkitektural</td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>NIA memaklumkan bahan terkini yang telah dikemukakan dan mendapat kelulusan USB adalah:

<table><tr><th>Skop Kerja</th><th>Jenis Bahan</th><th>Tarikh Lulus</th></tr><tr><td>Door</td><td>Metal Door Frame</td><td>18.03.2021</td></tr><tr><td>-</td><td>-</td><td>-</td></tr></table>
NIA mengesahkan telah menerima cadangan bahan untuk floor & wall tiles pada 31 Mac 2021 dan sedang dinilai. REMT perlu mengemukakan dengan segera cadangan bahan dan pembekal bagi:

i) Sanitary fittings
ii) Metal claddings</td><td>REMT</td><td>14/09/2020</td></tr>
<tr><td>3.2</td><td>NIA mengesahkan telah menerima cadangan kos lanskap pada 19 Mac 2021 dan dimajukan kepada pihak USB. Perbincangan bersama pihak JBPM dibuat pada 1 April 2021 dan maklumbalas bertulis daripada JBPM belum diterima.</td><td>JBPM</td><td>07/12/2020</td></tr>
<tr><td>3.3</td><td>NIA telah mengemukakan kepada USB lukisan papan tanda pada 2 April 2021 dan mendapat kelulusan pada 7 April 2021. Salinan lukisan akan diemel kepada REMT untuk cadangan pembekal.</td><td>NIA</td><td></td></tr>
</table>

3.4	NIA memaklumkan telah berbincang bersama pihak USB dan JBPM berhubung status *loose furniture*, contoh lukisan yang diberi pihak JBPM akan dimajukan kepada REMT untuk cadangan kos dan pembekal.	NIA	
4.0	**Sivil Dan Struktur**		
4.1	AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Ulasan berkaitan *leveling* daripada JPS, JPS Beaufort tiada halangan dengan *level* bangunan yang disediakan dalam pelan. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Beaufort pada 30 November 2020 berhubung kedudukan *final water discharge outlet* dan dipersetujui W6. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat kali ke 2 kepada JKR pada 24 februari 2021 bagi mendapatkan kebenaran ke atas ketiga-tiga *entrance culvert* yang terletak di kawasan rizab jalan. Maklum balas JKR masih belum diperolehi. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Berdasarkan ulasan JPS, AFK telah kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur berserta salinan *softcopy* dan masih menunggu kelulusan. - 1 set pelan *hardcopy* telah dikemukakan pada 5 Februari 2021 untuk semakan awal pihak JPS sebelum dikemukakan kepada UKAS untuk ditandatangan. - Terdapat 6 ulasan diterima daripada JPS pada 9 April 2021 yang sedang dalam tindakan AFK. <u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. JANS telah menyediakan kos penyambungan paip (*contribution fees*) dan akan ditandatangan sebelum diserah kepada AFK. - Surat kali ke 2 AFK dikemukakan pada 24 Februari 2021 dan masih menunggu maklum balas. <u>Jalanraya</u> Pelan telah ditandatangan oleh UKAS dan akan dikemukakan kepada JKR Beaufort pada Jumaat 16 April 2021. <u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019 dan diluluskan pada 17 September 2020.	AFK Makluman Makluman JKR JPS JPS AFK JANS JANS AFK Makluman	03/12/2019

4.2	AFK telah menyerahkan *softcopy* lukisan pindaan *entrance culvert* kepada REMT sebaik kelulusan dan pengesahan daripada UKAS diperolehi.	Makluman	11/01/2021
4.3	REMT telah menyelesaikan kerja pembaikan (*hacking and rectify*) *honeycomb* pada sebahagian *RC Column* di Blok Utama.	Makuman	05/03/2021
5.0	**Mekanikal Dan Elektrikal**		
5.1	JPI memaklumkan semakan berhubung *contribution cost* untuk permohonan bekalan elektrik akan dibuat dan PD9 *Form* perlu dikemukakan semula kepada SESB Beaufort. JPI telah majukan *sublease agreement* daripada SESB untuk ditandatangan pihak JBPM pada 16 Feb 2021.	JPI	03/03/2020
5.2	JPI memaklumkan belum menerima senarai perincian Sistem AV daripada REMT yang sepatutnya diserahkan sebelum 31 Januari 2020. Tindakan segera REMT diperlukan.	REMT	03/03/2020
5.3	JPI memaklumkan akan berbincang bersama SESB Beaufort pada 13 April 2021 berhubung cadangan *over head cable* di ketiga-tiga akses bagi mengurangkan implikasi ke atas penambahan kos.	JPI	06/07/2020
5.4	JPI maklumkan bahawa pengalihan sementara kabel di bahagian *decorative fencing* akan dilakukan pihak SESB bagi membolehkan kerja *piling* dan *fencing* dijalankan. REMT telah kemuka surat kepada JPI pada 8 April 2021 berhubung cadangan tarikh perlaksanaan kerja bagi membolehkan JPI kemuka permohonan pengalihan sementara tersebut kepada SESB.	JPI	06/07/2020
5.5	JPI telah mengemukakan secara bersurat kepada Unit Mekanikal pada 5 April berhubung sebut harga daripada pihak pembekal *Roller Shutter* (SKB Shutters Manufacturing S/B) yang telah disemak kerana melebihi harga kontrak.	JPI	06/11/2020
5.6	JPI perlu menyediakan lukisan perincian *Harvesting Tank* berserta kedudukan *discharge point*.	JPI	05/03/2021
6.0	**Ukur Bahan**		
6.1	Berikut adalah perkara berkaitan permohonan perubahan rekabentuk daripada perunding:		

	i) Perubahan lokasi dan saiz bangunan pencawang SESB. (KPK No.1) - PQS telah kemuka permohonan KPK pada 22 Januari 2021 dan masih dalam semakan UKUB.	UKUB	
	ii) Perubahan struktur Blok Utama. (KPK No.2) - PQS telah kemuka permohonan KPK pada 22 Januari 2021 dan masih dalam semakan UKUB.	UKUB	
	iii) Perubahan struktur Rumah Pam. (KPK No.3) - PQS telah kemuka permohonan KPK pada 22 Januari 2021 dan masih dalam semakan UKUB.	UKUB	
	iv) Parkir Berbumbung. (KPK No.4) - PQS telah kemuka permohonan KPK pada 22 Januari 2021 dan masih dalam semakan UKUB.	UKUB	
	v) Perubahan struktur Menara Latihan. (KPK No.5) - PQS telah kemuka permohonan KPK pada 22 Januari 2021 dan masih dalam semakan UKUB.	UKUB	
	vi) Akses baharu ke Kuarters sediada. (KPK No.6) - PQS telah kemuka permohonan KPK kepada UKUB pada 9 Mac 2021.	UKUB	
	vii) Rumah Sampah (RC Gutter, discharge point). (KPK No.7) - PQS telah kemuka permohonan KPK kepada UKUB pada 9 Mac 2021.	UKUB	
	viii) Perubahan perincian *Compartment.* - REMT telah kemukakan sebut harga kepada PQS pada 8 April 2021 dan masih dalam semakan.	PQS	06/11/2020
6.2	PQS memaklumkan bahawa draf KPK No.8 (8 cadangan penambahbaikan rekabentuk daripada NIA) telah dikemukakan kepada UKUB pada 15 Mac 2021 dan masih dalam semakan.	PQS/ UKUB	05/02/2021
6.3	PQS memaklumkan draf KPK No.9 (perubahan *covered drainage*) telah diserahkan kepada UKUB untuk semakan awal pada 19 Mac 2021.	PQS/ UKUB	

7.0	**Hal-hal Lain**		
7.1	SSS memaklumkan bahawa sistem *penalty* akan dibuat dan dikenakan ke atas mana-mana pekerja Tapak yang gagal patuhi SOP.	Makluman	
8.0	**Penutup**		
8.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.30 pagi dan Mesyuarat Teknikal No. 15 akan dimaklumkan kemudian.	Makluman	

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**



Ar. NOOR IZWAN RAHIM
Principal
28 April 2021